

Gagal urus tanah rizab Melayu

SHAH ALAM - Laporan Ketua Audit Negara mendapati, Kerajaan Selangor gagal menguruskan tanah rizab Melayu dengan baik.

Hasil laporan yang dikeluarkan semalam, mendapati prestasi pengurusan tanah rizab Melayu oleh Pejabat Tanah dan Galian (PDT) Selangor daripada aspek penggantian tanah itu yang dibatalkan adalah tidak memuaskan.

"Sebahagian maklumat berkaitan keluasan tanah rizab Melayu yang dibatalkan dan diganti serta keluasan keseluruhan tanah rizab itu tidak dapat disahkan kerana tidak disokong dengan dokumen dan rekod yang lengkap," katanya.

Laporan audit ini juga menyebut beberapa kelemahan dari sudut pelaksanaan antaranya maklumat tanah dalam kawasan rizab tidak dimasukkan sepenuhnya pada dokumen hak milik, dasar penggantian tanah rizab yang dibatalkan tidak konsisten dan beberapa syarat pengisytiharan tanah rizab tidak dipatuhi.

Selain itu, tanah rizab juga didapati berpindah milik kepada bukan Bumiputera serta terdapat tanah yang diduduki diusahakan tanpa kebenaran.

Laporan turut menyatakan lawatan tapak tanah ri-

zab Melayu bersama pegawai PDT Sepang dan PDT Sabak Bernam pada 19 Februari dan 26 Februari lalu di kawasan Ampar Tenang, Daerah Sepang dan Sungai Lang, Daerah Sabak Bernam.

Hasil dari lawatan mendapati kawasan tanah rizab itu telah diusahakan dan diduduki tanpa kebenaran oleh orang bukan Melayu dengan mengusahakan perniagaan gerai makan, bengkel kereta dan membina bangunan.

Maklum balas daripada PDT Sepang bertarikh 7 April 2014, kawasan ini telah diusahakan dan diduduki oleh beberapa keluarga bukan Melayu tanpa kebenaran sebelum kawasan tersebut diwartakan sebagai tanah rizab Melayu dan ianya berlaku sejak 20 hingga 30 tahun lalu.

Walau bagaimanapun, kawasan ini kemudiannya diwartakan sebagai tanah rizab Melayu bagi menggantikan sebahagian pengambilan Putrajaya pada tahun 1997.

Sementara itu, hasil audit ini juga menyatakan tindakan kerajaan negeri meluluskan perizaban tanah rizab Melayu adalah tidak selari dengan peruntukan Perkara 89 Fasal 2 dan 4 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, Ketua Audit

Negara menyarankan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) memastikan tanah rizab Melayu yang dibatalkan diganti semula secukupnya serta-merta.

Selain itu, penetapan takrifan mengenai tanah gantian yang dimaksudkan sebagai sama jenis dengan tanah yang dibatalkan haruslah dilaksanakan serta dipastikan agar ianya sentiasa dipatuhi semasa urusan pembatalan dan penggantian tanah rizab Melayu.

Pejabat Tanah dan Galian juga disaran menjalankan siasatan untuk mengenal pasti punca dan kaedah bagi menyekat pemberimilikan tanah rizab Melayu serta pindah milik tanah pegangan orang Melayu kepada orang bukan Melayu terus berlaku serta membuat pembatalan dan penggantian tanah rizab sewajarnya.

Sementara itu, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika ditanya berhubung laporan audit itu berkata, pihaknya mewujudkan jawatankuasa khas memantau tanah rizab Melayu.

"Itu sebelum 2008, kita pun tidak tahu di mana tanah rizab kita, sekarang ini kita teruskan usaha untuk menjaga tanah dengan baik dengan," katanya.